

Semua usaha pembangunan dibuat bersama

BIH 21 AUG 1980

DARI MUKA 1

muflis ketika pemerintahan British, tetapi keadaan itu dapat diubah apabila kerajaan mengemukakan pelbagai pendekatan pragmatik untuk membangunkan negeri itu.

"Kita perlu ingat bahawa negara kita adalah sebuah negara pakatan antara kaum dan antara negeri. Semua usaha ke arah pembangunan dibuat bersama bagi memastikan setiap rakyat dapat menggapainya.

"Jika setiap negeri di Malaysia ingin merdeka dan keluar dari Persekutuan, kita akan menjadi lemah dan kekacauan boleh meletus.

"Dengan gabungan 13 negeri, kita mampu mewujudkan sebuah negara yang teguh. Jika setiap rakyat mampu ke luar negara dan membuat perbandingan di antara Malaysia dan kebanya-

kan negara di dunia, mereka akan sedar bahawa di sinilah wujudnya kehidupan yang paling baik," katanya.

Oleh itu, katanya, rakyat perlu menyedari tanggungjawab masing-masing untuk membangunkan negara dan mengukuhkan hubungan eesama kaum bagi menjamin wujudnya kemakmuran yang berterusan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan Perikatan dan Barisan Nasional sudah membuktikan bahawa ia berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat melalui pelbagai program yang diperkenalkan seperti pengswastaan.

"Sebab itulah kita harus bijak menguruskan masalah sendiri. Jika kita menyerahkan masalah itu kepada orang lain, sampai bila pun kita akan bergantung kepada orang lain," katanya.

Kecekapan jamin kejayaan

KANGAR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mennggariskan pengalaman kerajaan, kecekapan kakitangan perkhidmatan awam dan kestabilan politik, sebagai ciri utama mewujudkan sebuah negara yang dinamik dan progresif.

Beliau berkata, ketiga-tiga faktor itu akan menentukan sama ada sesebuah negara berdemokrasi itu mampu membangunkan segala sumber dan tenaganya untuk kesejahteraan rakyat ataupun menghadapi pelbagai masalah dalam negeri.

Berucap dalam satu perhimpunan rakyat di Stadium Datuk

Sheikh Ahmad di sini beliau menegaskan bahawa negara memerlukan sebuah kerajaan yang cekap dan berpengalaman mentadbir segala urusan jika ia ingin bersaing dengan negara maju di dunia.

"Kita patut bersyukur kerana kerajaan yang ada pada hari ini adalah kerajaan yang benar-benar mementingkan keharmonian hidup rakyat.

"Di kalangan 130 negara membangun, Malaysia kini menduduki tempat kelima selepas Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura. Kita akan berusaha menjadi nombor satu pula," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir ber-

kata, perkara itu bukanlah mustahil jika setiap rakyat berganding tenaga dengan kerajaan untuk mewujudkan sebuah jentera pembangunan yang besar dan teguh.

Katanya, tidak ada gunanya negara memiliki sumber emas dan minyak yang banyak jika ia gagal menguruskan hasil itu kerana ketidakcekapan kakitangan yang dilantik oleh kerajaan.

"Sebaliknya, kita sudah membuktikan kejayaan di pelbagai bidang kerana kita mampu mentadbir segala hal walaupun negara ini bukanlah sebuah negara yang kaya.

"Tetapi dengan sedikit sumber minyak mentah, bijih timah dan sebagainya, kita mampu menguruskannya dengan baik sejak negara mencapai kemerdekaan dan dengan itu dapat bersaing di kalangan negara maju di dunia," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang sedang dalam rangka lawatan sehari ke Perlis, berkata kejayaan sesebuah negara juga tidak akan membawa manfaat kepada rakyatnya jika wujud kekacauan serta huru-hara.

Sebagai contoh, katanya Perlis pernah mundur dan hampir

LIHAT MUKA 2